

07/02/2003

Tiada rombakan Kabinet (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan melakukan rombakan Kabinet sehingga beliau berundur Oktober ini.

Perdana Menteri berkata, rombakan Kabinet dan pilihan raya umum ke-11 tidak akan diadakan dalam tempoh peralihan kuasa itu kerana masa terlalu suntuk.

"Bulan Mac dan April, cuti. Mei, Jun dan Julai semua ni ada mesyuarat Umno, lepas tu sidang OIC (Pertubuhan Persidangan Islam), mana nak ada masa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan syiling peringatan, setem pos kenangan dan sampul surat hari pertama sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, sepanjang percutiannya selama dua bulan pada Mac dan April ini, timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan memangku jawatan Perdana Menteri.

Percutian itu, katanya, adalah sebahagian daripada persetujuan yang dicapai untuk beliau kekal dalam jawatannya sebagai Perdana Menteri sehingga Oktober ini.

Beliau turut mengesahkan kenyataannya dalam temu ramah dengan Reuters kelmarin yang menolak spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan sebelum beliau bersara, Oktober ini.

Ditanya sama ada kedudukan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai Menteri Pengangkutan akan ditentukan oleh pemangkunya, Dr Mahathir berkata perkara itu mungkin ditentukan sendiri oleh Abdullah apabila menjadi Perdana Menteri nanti.

"Mungkin, mungkin, mungkin apabila beliau jadi Perdana Menteri, beliau akan memutuskannya. Apabila saya meletak jawatan, saya tidak minta orang lain letak jawatan.

"Tetapi sebenarnya untuk pilihan raya umum akan datang, setiap orang akhirnya akan letak jawatan.

"Anda tidak boleh kekal menteri dan bertanding untuk pilihan raya kerana pada masa itu, keseluruhan kerajaan akan dibubar. Menteri tidak lagi menteri. Memang ada kerajaan sementara dan kemudian Perdana Menteri baru akan ambil alih, beliaulah yang akan menentukan barisan Kabinetnya," katanya.

Mengenai cutinya, Dr Mahathir berkata beliau belum menentukan perjalanannya dan akan kembali ke sini untuk menyaksikan perlumbaan Formula 1 (pada 21 hingga 23 Mac).

"Yalah saya punya perjalanan belum saya tentukan lagi, saya nak pergi mana, datang balik (untuk F1). Masa itu saya tak akan jumpa dengan press sama sekali.

"Saya nak kelahi dengan Press, tak ada hubungan diplomatik. Oleh itu, jangan tanya saya sebarang soalan (ketika itu), saya tak tahu apa-apa," katanya berseloroh.

Ditanya mengenai kenyataan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik bahawa seluruh Kabinet mesti meletakkan jawatan apabila Dr Mahathir berundur pada Oktober ini, Perdana Menteri berkata itu adalah pandangan Dr Lim.

"Tak apalah, dia tak akan ikat semua orang. Kalau saya terjun dalam laut, semua orang nak kena terjun, tak payahlah. Biar saya terjun ke dalam laut seorang diri," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, sama ada ia satu amalan atau tidak, tidak timbul kerana kadang-kala ada juga menteri yang masih kekal dalam Kabinet

walaupun perdana menteriya bertukar.